

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI
[BATU PAHAT]
SOALAN :
TARIKH :

YB Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian memikirkan semula sistem kontrak doktor pelatih, memandangkan para graduan telah melalui pengajian selama 5-6 tahun dan diikuti pula dengan "housemanship" dua tahun, berbanding dengan perjawatan awam yang lain lebih singkat jangka masa latihan. Ini penting supaya ianya lebih adil dan kelihatan adil.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat prihatin dan sentiasa peka berkenaan isu pelaksanaan pelantikan secara kontrak ini. Justeru, langkah Kerajaan melaksanakan lantikan kontrak kepada graduan perubatan, pergigian dan farmasi mulai 1 Disember 2016 sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam Pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016. Langkah ini bertujuan bagi mengatasi masalah masa menunggu penempatan untuk menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib.

Pelaksanaan lantikan secara kontrak ini adalah berikutan peningkatan keluaran graduan sama ada dalam dan luar negara dan kekangan jawatan tetap.

Menerusi dasar baharu ini, secara umumnya pelantikan secara kontrak ini, ianya tidak akan menjejaskan keistimewaan pegawai kerana Kerajaan masih lagi menampung kos emolumen sepertimana lantikan tetap. Malah, dalam jangka masa panjang, Kerajaan akan dapat menjimatkan perbelanjaan bagi menampung kos emolumen dan faedah persaraan kerana pertimbangan lantikan tetap hanya akan dibuat daripada bakat terbaik (dalam kalangan lantikan kontrak) tertakluk kepada kekosongan jawatan. Menerusi dasar baharu ini juga, pegawai yang tidak berminat untuk kekal lama di Kementerian Kesihatan boleh memilih untuk bekerja dalam profesion yang sama di luar sektor awam.